

# OUCH!

## DALAM KELUARAN INI...

- Latar Belakang
- Risiko
- Mendidik Kanak-Kanak

## Mendidik Kanak-Kanak Mengenai Keselamatan Siber

### Latar Belakang

Pelbagai cara yang digunakan oleh kanak-kanak hari ini untuk melayari laman sesawang dan berinteraksi dengan orang lain amat mengejutkan. Perkhidmatan media sosial baharu tumbuh bagaikan cendawan dan jumlah aplikasi serta permainan yang dihubungkan dengan talian semakin meningkat.

Di samping itu, banyak sekolah telah menggunakan perkhidmatan seperti Google Drive dan memerlukan sesetengah atau semua tugas disiapkan dan dihantar secara dalam talian. Dalam surat berita ini, kita akan meneroka tiga aspek yang mendatangkan risiko kepada kanak-kanak dan apa yang boleh dilakukan bagi membantu mereka untuk kekal selamat. Kanak-kanak secara harfiahnya membesar “berhubung dalam talian”. Walaupun, perkara ini mempunyai banyak faedah, peluang-peluang ini juga datang dengan risiko. Dalam surat berita ini, kami meneroka tiga bidang risiko untuk kanak-kanak dan apa yang boleh dilakukan untuk membantu mereka kekal selamat.

### Editor Jemputan

Bob Rudis ialah Saintis Keselamatan Data di Verizon, pengarang laporan siasatan pelanggaran data 2014 dan ayah kepada empat kanak-kanak yang hebat. Bob telah membina dan memimpin program kesedaran keselamatan yang menarik dan berkesan di banyak syarikat Fortune 100. Anda boleh mengikut Bob di laman Twitter [@hrbrmstr](https://twitter.com/hrbrmstr).

### Risiko-Risiko

1. **Perlakuan:** Apabila berinteraksi dalam komuniti dalam talian atau dunia maya, anak-anak boleh berkelakuan dengan cara yang mereka tidak akan lakukan di dunia nyata. Kekurangan kehadiran fizikal boleh melahirkan rasa ketanpaan yang kuat, terutamanya apabila melibatkan kanak-kanak. Mereka sering terdorong untuk meluahkan perasaan dengan cara yang mungkin akan mencederakan kanak-kanak lain, dan ini dipanggil sebagai pembulian siber. Anak-anak anda juga boleh menjadi mangsa kepada orang lain yang sengaja menyakitkan hati mereka.
2. **Perhubungan:** Kanak-kanak kini sentiasa berkomunikasi dengan orang lain, sama ada melalui SMS, berinteraksi dengan komuniti dalam talian atau bermain di alam maya. Kekurangan kehadiran fizikal sering menyebabkan mereka lupa bahawa individu dalam talian lain mungkin bukan orang seperti yang digambarkan. Pemangsa berkeliaran di dunia digital ini dan akan menggunakan segala taktik yang mereka boleh lakukan untuk membina hubungan dengan bakal mangsa, seringkali menyamar sebagai kanak-kanak itu sendiri.
3. **Kandungan:** Terdapat pelbagai cara untuk menangkap dan memuat naik video, suara, imej atau mesej berasaskan teks dalam talian. Godaan untuk anak-anak untuk memuat naik dan berkongsi secara berlebihan tentang diri mereka atau ahli keluarga yang lain tanpa menyedari akibatnya adalah sangat nyata. Kanak-kanak mungkin tidak menyedari bahaya kecurian identiti atau jangkitan “malware” ketika orang lain meminta mereka menyelesaikan soalan atau

## Mendidik Kanak-Kanak Mengenai Keselamatan Siber

meminta mereka untuk melakukan sesuatu seperti klik pada pautan. Akhir sekali, kita hidup di zaman di mana tidak ada “patah balik” apabila perkara-perkara telah dimuat naik dalam talian atau dikongsi dengan yang orang lain. Kanak-kanak mungkin merasakan bahawa aplikasi KIK, Instagram, Snapchat dan kenyataan dalam talian lain adalah sia-sia, tetapi semua perkara tersebut boleh kembali menghantui mereka atau ahli keluarga yang lain di kemudian hari.

### Mendidik Kanak-Kanak

Perkara utama yang anda boleh lakukan untuk melindungi anak-anak adalah untuk bercakap dengan mereka. Mengambil tahu apa yang anak-anak anda lakukan dalam talian, mendidik mereka tentang risiko dan apa yang mereka perlu lakukan untuk melindungi diri.

- 1. Keselamatan di rumah:** Walaupun dengan pergerakan yang hebat, rumah merupakan lokasi di mana segala tingkah laku dalam talian yang baik bermula. Semakin muda dan awal anda bercakap dengan kanak-kanak, dan mereka dengan anda, adalah lebih baik. Adakan perbincangan secara kerap mengenai isu-isu keselamatan dalam talian serta tunjukkan kepada mereka peristiwa-peristiwa negatif yang telah berlaku. Jika anda tidak tahu apa yang anak-anda anda lakukan, bertanya kepada mereka. Mainkan peranan anda sebagai seorang ibu bapa yang keliru dan minta mereka untuk menunjukkan kepada anda teknologi terkini dan bagaimana mereka menggunakannya. Kanak-kanak sukakan idea mereka menjadi guru dan akhirnya bersedia untuk menerangkannya. Sebagai contohnya, ketika mereka melayari Instagram, anda boleh meminta mereka untuk menunjukkan kepada anda bagaimana Instagram berfungsi, meminta mereka untuk membuka akaun untuk anda dan mengikuti mereka. Dengan pendekatan ini, anda bukan sahaja melalui proses pembelajaran dan memantau apa yang anak-anak anda lakukan, bahkan juga memudahkan mereka untuk bercakap dengan anda. Di samping itu, pastikan anda mencuba sedaya-upaya agar semua aktiviti dalam talian hanya berlangsung di kawasan utama rumah dan mewujudkan sempadan waktu untuk penggunaan. Dengan adanya komputer rumah di lokasi berpusat, anak-anak tidak akan cenderung untuk melibatkan diri dalam tingkah laku yang berbahaya. Juga pertimbangkan sebuah stesen pengecasan pusat untuk peranti mudah alih, dengan mewujudkan satu peraturan di mana semua peranti mudah alih disimpan di sana sebelum anak-anak masuk tidur pada waktu malam.
- 2. Keselamatan dengan orang lain:** Apabila kanak-kanak berada jauh dari rumah, mereka adalah lebih terdedah kepada risiko. Membantu mereka memahami bahawa peraturan siber anda adalah terpakai di mana sahaja mereka berada dan sampaikan peraturan tersebut kepada individu yang mereka boleh percayai. Jika mereka mempunyai peranti mudah alih, semak corak penggunaan (masa dan lebar jalur) untuk melihat sama ada terdapat tanda-tanda mereka mengambil kesempatan daripada pengurangan sekatan ketika di luar rumah. Anda tidak akan dapat menghentikan semua pelanggaran peraturan tadi namun kata-kata nasihat anda itu akan membantu setiap kali terdapat percubaan untuk menyalahgunakan peranti mudah alih mereka.



*Kunci untuk melindungi kanak-kanak dalam talian adalah untuk mendidik mereka tentang bahaya yang mereka hadapi dan memastikan bukan anda sahaja bercakap kepada mereka, mereka turut bercakap kepada anda.*

## Mendidik Kanak-Kanak Mengenai Keselamatan Siber

3. **Keselamatan dalam nombor:** Anda tidak bersendirian dalam hal pengawasan siber dan anda perlu berinteraksi dengan ibu-bapa yang lain, penjaga, adik beradik, guru-guru mahupun rakan-rakan untuk membantu mengawasi sebarang tingkah laku mereka yang mungkin berbahaya. Cuba dapatkan komuniti anda berhubung dengan kanak-kanak tersebut dan galakkan kanak-kanak berkenaan untuk mempunyai interaksi positif dengan komuniti apabila mereka terjebak dalam kancah yang memudaratkan.

Akhir sekali, apabila kanak-kanak melakukan kesilapan, anggaplah ia sebagai suatu pengalaman dan belajar daripada kesilapan itu, bukannya mengenakan tindakan disiplin dengan serta-merta. Jelaskan “mengapa” setiap kali dan ingatkan mereka bahawa anda sebenarnya hanya cuba untuk melindungi mereka daripada ancaman bahaya yang mereka mungkin tidak sedar. Biarkan mereka tahu bahawa mereka boleh merujuk kepada anda jika mereka berhadapan dengan sebarang pengalaman yang kurang menyenangkan ketika berinteraksi dalam talian, ataupun mengambil screenshot untuk dikongsikan dengan anda. Pastikan mereka berasa selesa mendekati anda apabila mereka menyedari bahawa mereka sendiri telah melakukan sesuatu yang kurang sesuai. Sesungguhnya, menjaga komunikasi dunia sebenar terbuka dan aktif adalah cara terbaik untuk membantu kanak-kanak kekal selamat dalam dunia digital hari ini.

### Mari Belajar Lebih Lanjut!

Langganilah surat berita bulanan berkenaan Kesedaran Keselamatan Untuk Pengguna Komputer OUCH!, akseslah arkib OUCH!, dan belajar lebih lanjut mengenai penyelesaian kesedaran keselamatan SANS dengan melayari laman sesawang kami di <http://www.securingthehuman.org>.

### Penterjemahan oleh SNSC.

Pusat Keselamatan Rangkaian SKMM (SKMM Network Security Centre- SNSC) beroperasi di bawah Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dengan matlamat menjamin keselamatan maklumat, kebolehpercayaan dan keutuhan rangkaian di Malaysia. Laman Web: <http://snc.skmm.gov.my/>.

### Sumber

- Cyber Smart: <http://www.cybersmart.gov.au/Parents.aspx>  
OnGuard Online: <http://www.onguardonline.gov/topics/protect-kids-online>  
Stay Safe Online: <https://www.staysafeonline.org/stay-safe-online/for-parents/raising-digital-citizens>  
Securing Kids Panel:  
<http://www.rsaconference.com/media/into-the-woods-protecting-our-youth-from-the-wolves-of-cyberspace>

OUCH! diterbitkan oleh program SANS “Securing The Human” dan diedarkan di bawah lesen [Creative Commons BY-NC-ND 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/4.0/). Kebenaran diberikan untuk mengedarkan surat berita ini atau menggunakannya dalam mana mana program kesedaran selagi tiada perubahan dibuat kepada kandungan asal.

Editor: Bill Wyman, Walt Scrivens, Phil Hoffman, Bob Rudis  
Translated by: Muhamad Hashimi, Rahayu Aziz, and Sheikh Ahmad Raffie



[securingthehuman.org/blog](http://securingthehuman.org/blog)



[/secrethehuman](https://www.facebook.com/secrethehuman)



[@secrethehuman](https://twitter.com/secrethehuman)



[securingthehuman.org/gplus](https://plus.google.com/securingthehuman)